

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA****PEJABAT DAERAH DAN TANAH JELEBU
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam gred/kelas dan kategori/pengkhususan/jenis pendaftaran/kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi menyertai sebutharga kerja yang berikut:

NO. SEBUTHARGA	PERKARA	GREDE/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDJ.23/2020	PENYELENGGARAAN JALAN DAN STRUKTUR TEBING KG PUTRA SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE 01 DAN CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Tiada taklimat sebutharga dan lawatan tapak dilakukan berdasarkan keadaan semasa bagi mengelakkan perhimpunan Di Bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Akta Polis 1967.	Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan	07 SEPTEMBER 2020 (Isnin) Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari di Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan
PDJ.24/2020	PENYELENGGARAAN TEBING DI KG ULU KLAKA SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)		Tarikh : 01SEPTEMBER 2020 (Selasa) hingga 07 SEPTEMBER 2020 (Isnin)	
PDJ.25/2020	PENYELENGGARAAN STRUKTUR TEBING DAN JALAN DI MPKK KG. GAGU SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE 01 DAN CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Kontraktor akan dibekalkan maklumat berkaitan projek di laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu (http://jelebu.ns.gov.my/)	Masa : (Isnin – Khamis) 9.00 Pagi – 12.30 Tengah hari (Jumaat) 9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari	

2. Untuk maksud ini kontraktor yang berminat untuk memperolehi borang sebut harga hendaklah membawa bersama Cop Syarikat dan **SALINAN ASAL** item yang berikut :
 - i. Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - ii. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB) , Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU
 - iii. Surat Kelulusan Berdaftar Nombor Kod Majikan PERKESO
 - iv. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)
 - v. Sijil/Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan (SST) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar)
 - vi. Kad Pengenalan
3. Hanya **penama** berdaftar dalam **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)** yang boleh memperolehi borang sebut harga. **Wakil adalah tidak dibenarkan dan surat wakil tidak akan diterima sama sekali.**
4. Pematuhan terhadap SOP Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan pembendungan penularan wabak Covid-19 adalah wajib dipraktikkan semasa urusan pembelian borang sebut harga seperti penggunaan hand sanitizer, topeng muka dan penjarakan sosial.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis No. Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan dalam Peti Sebut Harga dalam alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
6. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
7. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan/puan bagi mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebutharga tuan akan terjejas.
8. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan dengan pejabat ini di talian **06-6136311** pada waktu pejabat dari **pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.**



(ABDUL RAHIM BIN A. AZIZ)

Pegawai Daerah Jelebu

Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu

Tarikh: 25/08/2020